

Siri Buku Amalan Harian

Siri 1

Manzil: Ayat al-Quran Pelindung Diri Harian

Manzil: Ayat al-Quran Pelindung Diri Harian merupakan siri buku yang dikeluarkan oleh Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk tujuan dijadikan amalan harian yang sangat berguna bagi umat Islam. Sedikit kajian dilakukan untuk memahami hakikat ayat Manzil yang diajarkan oleh tokoh Islam terkenal, iaitu Maulana Muhammad Zakariyya al-Khandahlawi dalam bahasa urdu sebelum kajian yang lebih terperinci dilakukan untuk dikeluarkan buat pengetahuan umat. Buku ini dianggap sebagai alternatif lain bacaan *al-Ma'thurat* dalam kalangan umat Islam dan sangat berguna untuk dijadikan bacaan harian buat dibaca pada waktu pagi dan petang atau pada waktu antara waktu Maghrib hingga sebelum tidur. Dalam buku ini dikemukakan hadis yang warid tentang segala senarai bacaan Manzil ini yang terdapat juga kelebihan yang dinyatakan dalam hadis tersebut. Secara keseluruhannya terdapat 76 potongan ayat al-Quran dalam 16 kelompok potongan daripada 13 surah dalam al-Quran.

Buku ini diharap dapat dimanfaatkan oleh umat Islam sebagai panduan dan bacaan harian bagi mengukuhkan rohani mereka di samping mendapat pelbagai keutamaan dan kelebihan yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya, iaitu sebagai pelindung diri dan keluarga khususnya daripada gangguan jin dan syaitan.

SIRI BUKU AMALAN HARIAN

SIRI 1

MANZIL


AYAT AL-QURAN

PELINDUNG DIRI HARIAN

Kamarul Azmi Jasmi



ISBN 978-967-2171-64-5



9 789672 171645

SIRI BUKU AMALAN HARIAN

SIRI 1

MANZIL

AYAT AL-QURAN PELINDUNG DIRI HARIAN

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama 2018
©KAMARUL AZMI JASMI 2018

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Kamarul Azmi Jasmi, 1973-

MANZIL : AYAT AL-QURAN PELINDUNG DIRI HARIAN. SIRI 1 /
Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU AMALAN HARIAN)

ISBN 978-967-2171-64-5

1. Islam-Prayers and devotions.
 2. Islamic meditations.
 3. Government publications-Malaysia.
- I. Judul.
297.3824

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI
Fakulti Tamadun Islam
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	v
Pengenalan	1
Cara Mengamalkan Manzil	1
Kelebihan dan Senarai Ayat Manzil	3
(1) Surah al-Fatihah (1: 1-7)	5
(2) Surah al-Baqarah (2: 1-5)	5
(3) Surah al-Baqarah (2: 163)	6
(4) Surah al-Baqarah (2: 255-257)	6
(5) Surah al-Baqarah (2: 284-286)	8
(6) Surah al-A'raf (7: 54-56)	9
(7) Surah al-Isra' (17: 110-111)	10
(8) Surah al-Mu'minin (23: 115-118)	11
(9) Surah al-Saffat (37: 1-11)	12
(10) Surah al-Rahman (55: 33-40)	13
(11) Surah al-Hashar (59: 21-24)	14
(12) Surah al-Jinn (72: 1-4)	15
(13) Surah al-Kafirun (109: 1-6)	16
(14) Surah al-Ikhlas (112: 1-4)	16
(15) Surah al-Falaq (113: 1-5)	17
(16) Surah al-Nas (114: 1-6)	17
Rumusan	18
Rujukan	19
Indeks	20
Biodata Penulis	21

PRAKATA



Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian tentang amalan Islam harian daripada tokoh ulama Islam Maulana Zakariyya al-Khandahlawi yang dikenali sebagai tokoh ilmu hadis.

Tulisan ini akan menfokuskan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan amalan harian Manzil daripada segi aspek pengenalan, cara mengamalkan, kelebihan dan senarai bacaan Manzil berserta dengan terjemahannya, serta akhir sekali dengan sedikit Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala segala penggunaan hadis dalam perbincangan tentang buku ini akan ditakhrijkan terlebih dahulu hadis sebagaimana kaedah yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) dan pengkaji hanya akan memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Harapan penulis dengan tulisan ini dimanfaatkan oleh umat Islam dalam memperkukuhkan amalan kerohanian setiap individu Muslim agar mereka sentiasa dalam kerahmatan dan perlindungan Allah SWT.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
 Akademi Tamadun Islam
 Universiti Teknologi Malaysia
 2018

Pengenalan

Buku kecil ini akan membincangkan serba sedikit tentang cara mengamalkan bacaan Manzil, susunan bacaan Manzil berdasarkan hadis, dan ayat bacaan Manzil bersama dengan terjemahannya.

CARA MENGAMALKAN MANZIL

Dibaca sehari dua kali, iaitu pada waktu pagi dan petang sebagaimana galakkan Allah SWT untuk bertasbih dan mengingatinya pada waktu pagi dan petang dalam firman-Nya:

وَسَبِّحْهُ بُكْرَةً وَأَصِيلاً ﴿٤٢﴾

Maksud: *Dan bertasbihlah kamu kepadaNya pada waktu pagi dan petang. (42)*

(Surah *al-Ahzab*, 33: 42)

Dalam ayat yang lain pula Allah SWT juga berfirman:

وَأذْكُرْ أَسْمَاءَ بُكْرَةً وَأَصِيلاً ﴿٢٥﴾

Maksud: *Dan sebutlah dengan lidah atau dengan hati akan nama Tuhanmu (di dalam dan di luar solat), pada waktu pagi dan petang. (25)*

(Surah *al-Insan*, 76: 25)

Sekiranya ingin diamalkan sekali sehari sebaik-baiknya dibaca pada waktu malam khususnya selepas Maghrib dan sebelum tidur dengan bacaan yang tetap pada waktu yang sama mengikut kesesuaian

masa seseorang. Sebagai contoh terdapat hadis yang menyuruh seseorang Muslim itu membaca 100 ayat pada malam hari sebagaimana hadis berikut (Ahmad, 2001: 16958; Al-Darimi, 2000: 3493):

عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ قَرَأَ بِمِائَةِ آيَةٍ فِي لَيْلَةٍ، كُتِبَ لَهُ قُنُوتُ لَيْلَةٍ.»

Maksud: *Tamin al-Dari RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang membaca 100 ayat pada waktu malam, maka seolah-olah dituliskan untuknya pahala bangun solat sepanjang malam.*

(Ahmad)

Dalam satu hadis yang lain pula, tuntutan membaca 100 ayat pada waktu malam menyebabkan seseorang tidak digolongkan sebagai orang yang lalai. Hadis ini menyatakan (Al-Darimi, 2000: 3491):

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: «مَنْ قَرَأَ بِمِائَةِ آيَةٍ فِي لَيْلَةٍ، لَمْ يُكْتَبْ مِنَ الْغَافِلِينَ.»

Maksud: *Abu Darda' menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Sesiapa yang membaca 100 ayat pada waktu malam, maka dia tidak akan digolongkan sebagai orang yang lalai.*

(Al-Darimi)

Sebagai tambahan menurut Imam Al-Nawawi (1983), sekiranya seseorang sudah menetapkan bacaan rutinnya pada malam hari namun dia mengalami sedikit kesibukan seperti bermusafir atau sebagainya yang menghalang untuk dia melakukannya seperti biasa, maka dia

boleh menghabiskan bacaan tersebut sebagai ganti sebelum masuk waktu Zohor pada keesokkan harinya.

Atas galakan membaca sekurang-kurang 100 ayat al-Quran ini, maka beberapa tokoh mencadangkan bacaan yang dipanggil Manzil sepertimana yang dicadangkan oleh Maulana Zakariyya Al-Khandahlawi (t.th.) bersumberkan dalil hadis (Ahmad, 2001: 21174) dan bacaan *al-Ma'thurat* sebagaimana yang dicadangkan oleh Al-Banna (t.th.).

KELEBIHAN DAN SENARAI AYAT MANZIL

Subtajuk ini akan menjelaskan kelebihan dan menyenaraikan keseluruhan bacaan al-Quran yang dijadikan sebagai Manzil untuk dibaca sehari dua kali atau sehari sekali sebagai mana yang diutarakan oleh Al-Khandahlawi (t.th.). Susunan bacaan al-Manzil oleh beliau sebenarnya diambil daripada sumber hadis Nabi berikut, iaitu (Ibn Majah, 2009: 3549; Ahmad, 2001: 21174):

عَنْ أَبِي بِنُ كَعْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كُنْتُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَاءَ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ، إِنَّ لِي أَخَا وَبِهِ وَجَعٌ قَالَ: "وَمَا وَجَعُهُ؟" قَالَ: "بِهِ لَمَمٌ." قَالَ: "فَأْتِنِي بِهِ." فَوَضَعَهُ بَيْنَ يَدَيْهِ فَعَوَّدَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ، وَأَرْبَعِ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ، وَهَاتَيْنِ الْآيَتَيْنِ: (وَاللَّهُمَّ إِلَهَ وَاحِدٌ) وَآيَةَ الْكُرْسِيِّ، وَثَلَاثِ آيَاتٍ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ، وَآيَةَ مِنْ آلِ عِمْرَانَ (شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ)، وَآيَةَ مِنَ الْأَعْرَافِ (إِنَّ رَبَّكُمْ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ)، وَآخِرِ سُورَةِ الْمُؤْمِنِينَ (فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ)، وَآيَةَ مِنْ سُورَةِ الْحِنِّ (وَأَنَّهُ تَعَالَى جَدُّ

رَبَّنَا، وَعَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ الصَّافَّاتِ، وَثَلَاثِ آيَاتٍ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْحَشْرِ، وَقُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ وَالْمَعُودَتَيْنِ. فَقَامَ الرَّجُلُ كَأَنَّهُ لَمْ يَشْتَكِ قَطُّ.

Maksud: menceritakan kepadaku Ubay bin Ka'ab berkata, "Aku berada di sisi Nabi SAW, kemudian datanglah seorang Arab badwi dan berkata, "Wahai Nabi Allah, saya mempunyai seorang saudara lelaki yang sedang sakit." Nabi bertanya, "Apa sakitnya?" Dia menjawab, "Dia terkena penyakit gila." Nabi bersabda, "Bawa dia kemari." Kemudian dia dihadapkan kepada Baginda SAW dan Baginda Nabi SAW memohonkan perlindungan untuknya dengan membaca fatihat al-kitab (surat al-Fatihah), empat ayat permulaan surat al-Baqarah, dua ayat berikut ini, (وَالَهُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ) (Dan Tuhanmu adalah Tuhan yang Maha Esa) (al-Baqarah: 163) dan ayat kursi. Lalu tiga ayat terakhir dari surat al-Baqarah. satu ayat dari surat Ali 'Imran: (شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ) (Allah menyatakan bahwasanya tidak ada Tuhan melainkan dia (yang berhak disembah) (Ali 'Imran, 3:18), satu ayat dari surah al-A'raaf: (إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ) (Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi) (al-A'raf, 7: 54), akhir dari surat al-Mukminun: (فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ) (Maka Maha Tinggi Allah, Raja yang sebenarnya) (al-Mukminun, 23: 116), satu ayat dari surat al-Jin: (وَأَنَّهُ تَعَالَى جَدُّ رَبِّنَا) (Dan bahwasanya Maha Tinggi kebesaran Tuhan kami) (al-Jin, 72: 3), sepuluh ayat permulaan dari surat al-Saffat, tiga ayat terakhir dari surat surat al-Hasyr: (وَقُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) (surat al-Ikhlash), dan al-Mu'awwidhatain (surat al-Falaq dan al-Nas)." Maka berdirilah laki laki itu seakan- akan dia tidak pernah terkena sakit sama sekali."

(Ibn Majah dan Ahmad)

Berdasarkan hadis ini dan hadis yang lain juga (Al-Bukhari, 2001: 5013, 5014, 5015, 5016, 5017, 5018; Ibn Fil, 2001: 32), ringkasnya terdapat beberapa kumpulan ayat yang dianjurkan untuk dibaca. Senarai yang lengkap ini sebagai yang disenaraikan oleh Al-Khandahlawi (t.th.). Di sini disenaraikan ayat tersebut bersama dengan maknanya.

(1) Surah al-Fatihah (1: 1-7)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ
 الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾
 أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ
 الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (1) Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2) Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (3) Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). (4) Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. (5) Tunjukilah kami jalan yang lurus. (6) Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat. (7)

(Surah al-Fatihah, 2: 1-7)

(2) Surah al-Baqarah (2: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الرَّ ۞ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾
 الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
 بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَيَآخِرَةَ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن
 رَبِّهِمْ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Alif, Lam, Mim. (1) Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang

datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa; (2) Iaitu orang yang beriman kepada perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. (3) Dan juga orang yang beriman kepada Kitab 'al-Quran' yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). (4) Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya. (5)

(Surah al-Baqarah, 2: 1-5)

(3) Surah al-Baqarah (2: 163)

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌُ وَاحِدٌ ۖ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾

Maksud: Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (163)

(Surah al-Baqarah, 2: 163)

(4) Surah al-Baqarah (2: 255-257)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ
وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۗ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا
خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۗ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۗ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۗ قَد تَّبَيَّنَ

الرُّشْدُ مِنَ الْعَيْبِ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ
 بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾ اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ
 ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ
 الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ
 هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥٧﴾

Maksud: Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmu dan kekuasaan-Nya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya) (255) Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (256) Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang yang kafir, penolong mereka ialah taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (257)

(Surah al-Baqarah, 2: 255-257)

(5) Surah al-Baqarah (2: 284-286)

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ
 أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَن يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَاءُ
 وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾ ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ
 وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ
 لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا
 وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ
 وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا
 وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إَصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا
 وَلَا تُحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا
 أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Maksud: Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (284)

Rasulullah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-Nya, dan Kitab-Nya, dan Rasul-Nya. (Mereka berkata), “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain para Rasul-Nya.” Mereka berkata lagi, “Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali.” (285) Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata), “Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang Engkau bebankan kepada orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.” (286)

(Surah al-Baqarah, 2: 284-286)

(6) Surah al-A'raf (7: 54-56)

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ
 عَلَى الْعَرْشِ يُعْشَىٰ ^طالَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ ^ووَحَيْثَا وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرَ
 وَالنُّجُومَ مَسْخَرَاتٍ بِأَمْرِهِ ^فأَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ
 الْعَالَمِينَ ﴿٥٤﴾ أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ
 ﴿٥٥﴾ وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ
 رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksud: Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Ia bersemayam di atas Arasy; Ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (Ia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang. (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. (54) Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendahkan diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas. (55) Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya. (56)

(Surah al-A'raf, 7: 54-56)

(7) Surah al-Isra' (17: 110-111)

قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ وَلَا تَجْهَرُوا بِصَلَاتِكُمْ وَلَا تَخَافَتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿١١٠﴾ وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمَلِكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وِليٌّ مِنَ الذَّلِيلِ
وَكَبْرُهُ تَكْبِيرًا ﴿١١١﴾

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad), “Serulah nama ‘Allah’ atau nama ‘al-Rahman’, yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama yang baik serta mulia.” Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau solatmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu. (110) Dan katakanlah, “Segala puji tertentu bagi Allah yang tiada mempunyai anak, dan tiada bagi-Nya sekutu dalam urusan kerajaan-Nya, dan tiada bagi-Nya

penolong disebabkan sesuatu kelemahan-Nya; dan hendaklah engkau membesarkan serta memuliakan-Nya dengan bersungguh-sungguh!" (111)

(Surah *al-Isra'*, 17: 110-111)

(8) Surah al-Mu'minun (23: 115-118)

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾ فَتَعَالَى اللَّهُ
 الْمَلِكُ الْحَقُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ ﴿١١٦﴾ وَمَنْ يَدْعُ مَعَ
 اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ
 الْكَافِرُونَ ﴿١١٧﴾ وَقُلْ رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ ﴿١١٨﴾

Maksud: Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami? (115) Maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah Allah Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Tetap Benar; tiada Tuhan melainkan Dia, Tuhan yang mempunyai Arasy yang mulia. (116) Dan sesiapa yang menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, dengan tidak berdasarkan sebarang keterangan mengenainya, maka sesungguhnya hitungannya (dan balasan amalnya yang jahat itu) disediakan di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang yang kafir tidak akan berjaya. (117) Dan berdoalah (wahai Muhammad dengan berkata), "Wahai Tuhanku, berikanlah ampun dan kurniakan rahmat, dan sememangnya Engkauilah sahaja sebaik-baik Pemberi rahmat!" (118)

(Surah *al-Mu'minun*, 23: 115-118)

(9) Surah al-Saffat (37: 1-11)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ وَالصَّفَاتِ صَفًا ۝ فَالزَّجْرَاتِ زَجْرًا ۝ فَالتَّلَايَاتِ
 ذِكْرًا ۝ إِنَّ إِلَهَهُمْ لَوَاحِدٌ ۝ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ
 الْمَشْرِقِ ۝ إِنَّا زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِزِينَةِ الْكَوَاكِبِ ۝ وَحَفَظْنَا مِنْ كُلِّ
 شَيْطَانٍ مَّارِدٍ ۝ لَا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلَأِ الْأَعْلَى وَيُقَذِفُونَ مِنْ كُلِّ جَانِبٍ ۝
 دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ ۝ إِلَّا مَنْ خِطَفَ الْخَطْفَةَ فَاتَّبَعَهُ وَشِهَابٌ ثَاقِبٌ
 ۝ فَاسْتَفْتِهِمْ أَهْمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمْ مَنْ خَلَقْنَا إِنَّا خَلَقْتَهُمْ مِنْ طِينٍ لَازِبٍ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Demi (hamba-Ku) yang berbaris dengan berderet-deret - (1) (hamba-Ku) yang melarang (dari kejahatan) dengan sesungguhnya - (2) (hamba-Ku) yang membaca kandungan kitab suci; (3) (sumpah demi sumpah) sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah satu - (4) Tuhan (yang mencipta serta mentadbirkan) langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya, dan Tuhan (yang mengatur) tempat terbit matahari. (5) Sesungguhnya Kami menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan hiasan bintang. (6) Dan (Kami pelihara urusan langit itu) dengan serapi-rapi kawalan dari (masuk campur) tiap-tiap Syaitan yang derhaka; (7) (dengan itu) mereka tidak dapat memasang telinga mendengar (percakapan malaikat) penduduk langit, dan mereka pula direjam (dengan api) dari segala arah dan penjuru, (8) untuk mengusir mereka; dan mereka pula beroleh azab seksa yang tidak putus-putus. (9) Kecuali sesiapa antara Syaitan itu yang curi mendengar mana-mana percakapan (malaikat), maka ia diburu dan diikuti (dengan rejaman) api yang menjulang lagi menembusi. (10) (Setelah nyata kekuasaan Kami) maka bertanyalah (wahai Muhammad) kepada mereka (yang ingkarkan hidupnya semula orang mati): Adakah diri mereka lebih sukar

hendak diciptakan, atau makhluk lain yang Kami ciptakan? Sesungguhnya Kami mencipta mereka dari tanah liat (yang senang diubah dan diciptakan semula). (11)

(Surah *al-Saffat*, 37: 1-11)

(10) Surah al-Rahman (55: 33-40)

يَمَعَشَرَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَاوَاتِ
 وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ ﴿٣٣﴾ فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ تُكَذِّبَانِ
 ﴿٣٤﴾ يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شَوْاظٌ مِّن نَّارٍ وَنُحَاسٌ فَلَا تَنْتَصِرَانِ ﴿٣٥﴾ فَبِأَيِّ
 آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ تُكَذِّبَانِ ﴿٣٦﴾ فَإِذَا انشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ
 ﴿٣٧﴾ فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ تُكَذِّبَانِ ﴿٣٨﴾ فَيَوْمَئِذٍ لَا يُسْعَلُ عَنْ ذَنْبِهِ إِنْسٌ
 وَلَا جَانٌ ﴿٣٩﴾ فَبِأَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ تُكَذِّبَانِ ﴿٤٠﴾

Maksud: *Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan dan balasan Kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat)! (33) Maka yang mana satu antara nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (34) Kamu (wahai golongan yang kufur ingkar dari kalangan jin dan manusia) akan ditimpakan dengan api yang menjulang-julang dan leburan tembaga cair (yang membakar); dengan yang demikian, kamu tidak akan dapat mempertahankan diri (dari azab seksa itu); (35) Maka yang mana satu antara nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (36) Selain itu (sungguh ngeri) ketika langit pecah-belah lalu menjadilah ia merah mawar, berkilat seperti minyak; (37) Maka yang mana satu antara nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (38) Pada masa itu tiada sesiapaupun, sama ada*

manusia atau jin, yang akan ditanya tentang dosanya (kerana masing-masing dapat dikenal menurut keadaannya); (39) Maka yang mana satu di antara nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (40)

(Surah al-Rahman, 55: 33-40)

(11) Surah al-Hashar (59: 21-24)

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ
 اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي
 لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلِيمٌ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ
 الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ
 الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ
 اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

Maksud: Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya. (21) Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dia lah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (22) Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya);

Yang Melengkapi segala Kebesaran-Nya. Maha Suci Allah dari segala yang mereka sekutukan denganNya. (23) Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-Nya menurut yang dikehendaki-Nya); bagi-Nyalah nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepada-Nya segala yang ada di langit dan di bumi; dan Dia lah Yang tiada banding-Nya, lagi Maha Bijaksana. (24)

(Surah al-Hashar, 59: 21-24)

(12) Surah al-Jinn (72: 1-4)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا
 إِنَّا سَمِعْنَا قُرْآنًا عَجَبًا ۝ (1) يَهْدِي إِلَى الرُّشْدِ فَآمَنَّا بِهِ ۖ وَلَنْ نُشْرِكَ بِرَبِّنَا
 أَحَدًا ۝ (2) وَأَنَّهُ تَعَالَى جَدُّ رَبِّنَا مَا اتَّخَذَ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا ۝ (3) وَأَنَّهُ كَانَ
 يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى اللَّهِ شَطَطًا ۝ (4)

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "Diwahyukan kepadaku, bahawa sesungguhnya: satu rombongan jin mendengar (afdal-Quran yang aku bacakan), lalu mereka (menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan) berkata, "Sesungguhnya kami mendengar al-Quran (sebuah Kitab Suci) yang susunannya dan kandungannya sungguh menakjubkan! (1) "Kitab yang memberi panduan ke jalan yang betul, lalu kami beriman kepadanya, dan kami tidak sekali-kali akan mempersekutukan sesuatu makhluk dengan Tuhan kami. (2) 'Dan (ketahuilah wahai kaum kami!) Bahawa sesungguhnya: tertinggalah kebesaran dan keagungan Tuhan kita daripada beristeri atau beranak. (3) Dan (dengan ajaran Al-Quran nyatalah) bahawa sesungguhnya: (ketua) yang kurang akal pertimbangannya dari kalangan kita mengatakan terhadap Allah kata-kata yang melampaui kebenaran; (4)

(Surah al-Jinn, 72: 1-4)

(13) Surah al-Kafirun (109: 1-6)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ﴿٢﴾ لَا أَعْبُدُ مَا
تَعْبُدُونَ ﴿٣﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٤﴾ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ
﴿٥﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٦﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "Hai orang kafir! (1) "Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. (2) "Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. (3) "Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. (4) "Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. (5) "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku." (6)

(Surah al-Kafirun, 109: 1-6)

(14) Surah al-Ikhlâs (112: 1-4)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿٢﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٣﴾ لَمْ يَلِدْ
وَلَمْ يُولَدْ ﴿٤﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; (1) "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; (2) "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; (3) "Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya." (4)

(Surah al-Ikhlâs, 112: 1-4)

(15) Surah al-Falaq (113: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿٢﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٣﴾
 وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٤﴾ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٥﴾
 وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٦﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk, (1) dari bencana makhluk yang Ia ciptakan; (2) dan dari bahaya gelap apabila ia masuk; (3) dan dari kejahatan makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan (dan ikatan); (4) dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya." (5)

(Surah al-Falaq, 113: 1-5)

(16) Surah al-Nas (114: 1-6)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿٢﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٣﴾
 إِلَهِ النَّاسِ ﴿٤﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٥﴾ الَّذِي
 يُوسَّوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٦﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٧﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. (1) Yang Menguasai sekalian manusia, (2) Tuhan yang berbak disembah oleh sekalian manusia, (3) dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam, (4) Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia, (5) (iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia." (6)

(Surah al-Nas, 114: 1-6)

Semua jumlah ayat adalah sebanyak 76 ayat daripada 16 kelompok petikan ayat al-Quran dan 13 surah al-Quran. Untuk mencukupkan bacaan malam dengan sekurang-kurangnya menjadi 100 ayat agar mendapat keutamaan tidak tergolong dalam golongan orang yang lalai dan mendapat pahala seolah-olah mendirikan ibadat solat sepanjang malam, maka dianjurkan untuk menambah bacaan dengan bacaan surah *al-Sajadah* (32: 1-30), surah *al-Mulk* (67:1-30), dan surah *al-Waqiah* (56: 1-97).

RUMUSAN

Beramal dengan bacaan al-Quran dan dan zikir pilihan adalah sesuatu yang digalakkan dalam Islam. Amalan membaca ayat dan surah khusus ini sebagai salah satu amalan penting dalam ibadah khususnya dalam rangka seseorang menjadi insan yang soleh (Jasmi, 2018b, 2018a). Sudah tentu tokoh besar yang menyusun Manzil atau *al-Ma'thurat* sudah mengkaji berdasarkan ilmu mereka bahawa ayat yang dihimpunkan itu merupakan ayat terbaik yang boleh diamalkan oleh umat Islam untuk menguatkan kerohanian di samping untuk mendapat pahala dan tidak tergolong dalam golongan orang yang lalai.

Selain itu, buku ini juga menyenaraikan segala ayat Manzil dan terjemahan agar himpunan Manzil ini dipermudahkan untuk orang ramai membacanya dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka.

RUJUKAN

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Banna, Hasan. t.th. *Al-Ma'thurat*. T.T.P: Asraf Trading Sdn Bhd.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih* – *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. 2000. *Sunan al-Darimi*. Hussain Salim Asad Al-Darani (Ed.). Jld. 1-4. Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Khandahlawi, Muhammad Zakariyya. T.Th. *Manzil*. Lahore: Muhammad 'Abd al-Rahim.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1983. *Al-Azkar al-Muntakhibah Min Kalam Sayyid al-Abrar*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Fil, Al-Husayn. 2001. *Juz' Ibn Fil*. Musa Isma'il al-Basit (Ed.). Al-Quds: Matba'ah Mas'udi.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. "Karekter 7B Mukmin Cemerlang". *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.

INDEKS

100 ayat, 2, 3

al-Fatihah, iii

Allah SWT, v, 1

al-Ma'thurat, 3, 18

bacaan al-Quran, 3, 18

beramal, 18

bertasbih, 1, 15

Islam, iii, v, 7, 18

Maghrib, 1

Manzil, i, iv, v, 1, 3, 18

orang yang lalai, 2, 18

pada waktu pagi, 1

petang, 1

sebelum tidur, 1

zikir pilihan, 18

Zohor, 3

BIODATA PENULIS

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak (2011), Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran (2011), Dasar Akidah Muslim (2011), Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran (2012), Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM.

